

03 AUG 1998

MALAYSIA-METERAI/I

MALAYSIA-DJIBOUTI METERAI PERJANJIAN JAMINAN PELABURAN

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Republik Djibouti hari ini memeterai satu perjanjian jaminan pelaburan untuk mengembangkan kerjasama ekonomi dan perindustrian antara kedua-dua negara.

Malaysia diwakili oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz manakala Djibouti oleh Menteri Perdagangan dan Industri Mohamed Barkat Abdillahi.

"Walaupun pada ketika ini tiada pelaburan Malaysia di republic of Djibouti dan juga sebaliknya, permeterian perjanjian itu akan menyediakan rangka kerja membantu bagi kedua-dua negara untuk mengukuhkan ikatan perdagangan dan pelaburan dua hala," demikian menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di majlis itu.

Majlis permeterian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Djibouti Hassan Gouled Aptidon.

Perjanjian itu antara lainnya, melindungi pelaburan oleh pelabur-pelabur kedua-dua negara sebelum dan juga selepas permeterian perjanjian itu.

Perjanjian itu juga memastikan pelaburan yang dibuat oleh pelabur kedua-dua negara menerima layanan adil dan sama rata dan tidak kurang menguntungkan berbanding dengan yang diberikan kepada pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur mana-mana negara ketiga.

Dengan permeterian perjanjian itu, Malaysia telah memberikan komitmen kepada sejumlah 64 perjanjian jaminan pelaburan.

Tahun lalu perdagangan dua hala Malaysia dengan Djibouti berjumlah RM13.76 juta. Bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini, jumlah perdagangan antara kedua-dua negara berjumlah sebanyak RM4.95 juta.

Pada 1997 eksport dari Malaysia ke negara Afrika itu adalah RM13.68 juta dengan barangan eksport utama adalah minyak sawit, perabot, fabrik, beg plastik yang terdiri 89.72 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke Djibouti.

Import Malaysia bagi 1997 dari negara itu adalah RM0.074 juta. Barangan import utama adalah gentian sintetik yang menyumbang bagi 94 peratus daripada import Malaysia dari Djibouti.

Kerajaan kedua-dua negara juga bersetuju menyediakan bantuan yang diperlukan serta menggalakan syarikat dan pertubuhan swasta untuk meneroka peluang dalam bidang pelaburan.

-- BERNAMA

RV ZK MA